

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

**HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **LIMA (5)** SOALAN DI DALAM **EMPAT (4)** HALAMAN.

Kertas ini mengandungi **DUA** bahagian. Jawab **SEMUA** dalam bahagian A dan pilih **SATU (1)** dalam bahagian B.

Jawab **EMPAT (4)** soalan kesemuanya.

Semua jawapan diberi nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

1. Jawab soalan i dan ii

[i] Dengan menggunakan contoh yang memadai dan pelbagai, bezakan

[a] pelengkap daripada objek.

[b] penerang daripada pelengkap objek.

Pastikan konsep transitif dan tak transitif turut juga dihuraikan dengan jelas dalam jawapan anda.

[ii] Ayat "Dia membeli baju itu untuk rakannya di UUM", berkemungkinan mempunyai dua (2) tafsiran pada tahap struktur batin.

Sila beri tafsiran tersebut dan perlihatkan setiap satunya melalui rajah pohon.

2. Telitikan ayat-ayat di dalam data berikut. Di dalamnya terdapat ayat yang gramatis dan ayat yang tidak gramatis. Berdasarkan penelitian anda itu,uraikan struktur binaan Frasa Nama yang berfungsi sebagai subjek di dalam ayat-ayat tersebut, dengan mengambil kira beberapa aspek sintaksis yang berkaitan.

- [a] Ali peguam.
- [b] Jamal Abdillah penyanyi.
- [c] Pemuda itulah yang kena tangkap.
- [d] \*Pemuda itulah kena tangkap.
- [e] \*Pelumba itu lagi menang.
- [f] Pelumba itu lagi yang menang.
- [g] Nasi dagang dari Kuala Trengganu telah menambat selera saya.
- [h] Pelancaran MEASAT-I dapat ditonton secara langsung oleh rakyat Malaysia.
- [i] Baju Melayu yang berwarna merah jambu itu menjadi pilihannya kali ini.
- [j] Lembu haiwan mamalia.
- [k] \*Lembu-lembu ditempatkan di pusat kuarantin di Rantau Panjang sebelum dijual.

3. Perhatikan ayat-ayat (a - l) di dalam data berikut, kemudian jawab soalan (i - iii).

- [a] Ali sudahkah menjawab soalan itu?
- [b] Awak sudahkah makan nasi?
- [c] Kamu masihkah tinggal dengannya?
- [d] Awak pernahkah pergi ke tempat itu?
- [e] Dia akankah makan nasi itu?

- [f] Amin sedangkah memakai kasut itu?
  - [g] Encik belumkah menelefon?
  - [h] Awak mahukah membeli kereta itu?
  - [i] Kita mestikah mematuhi arahan itu?
  - [j] Demak bolehkah menggunakan komputer itu?
  - [k] Mestikah kita mematuhi arahan itu?
  - [l] Pernahkah awak pergi ke tempat itu?
- 
- [i] Nyatakan kategori nahu bagi unsur yang digaris bawah dan huraikannya dari aspek semantik dan sintaksis secara umum.  
[anda perlu menggunakan contoh sendiri untuk menjelaskan huraian anda, sekiranya perlu].
  - [ii] Nyatakan jenis ayat dalam data tersebut dan tentukan kegramatisan ayat-ayat itu dengan memberi penjelasan sintaksis.
  - [iii] Apakah yang akan berlaku sekiranya partikel 'kah' digugurkan di dalam ayat (a - l)?

**BAHAGIAN B** [Pilih satu sahaja]

4. Gunakan ayat (a - e) sebagai sumber data bagi menjawab soalan berikut. Ayat-ayat tersebut adalah dalam bentuk luaran.
- [a] Asraf bangun mengambil songkoknya.
  - [b] Gadis itu duduk membasuh pinggan.
  - [c] Kanak-kanak itu duduk menangis teresak-esak.
  - [d] Mereka datang bertanya hal itu.
  - [e] Wanita tua itu pergi membawa sebuntul kain di bahunya.
  - [i] Tuliskan bentuk dalaman bagi setiap ayat di atas.
  - [ii] Laksanakan rumus transformasi tertentu untuk menghasilkan bentuk luarannya.  
[perlihatkan melalui rajah pohon dan beri penjelasan menyeluruh bagi kesemua ayat di atas].
5. Jawab soalan i dan ii.
- i. Ayat pasif dalam bahasa Melayu terbahagi kepada beberapa bentuk. Beri SATU contoh bagi setiap bentuk itu.
  - ii. Perhatikan struktur ayat berikut, kemudian huraikan bagaimana ayat-ayat tersebut diterbitkan.

Budak yang kena colek itu masih hidup.

Wanita yang menulis surat itu rakan karibnya.

Baju yang engkau pakai itu kepunyaan adik saya.

Pak Abu merawat pokok durian yang diserang serangga perosak itu.